

BAB 1

(Pengenalan)

BAB 1 PENGENALAN

1. Pendahuluan

Setiap manusia tentu menginginkan anak kerana ianya merupakan suatu fitrah bagi meneruskan kehidupan di dunia ini.¹ Hal ini dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam FirmanNya:

"رَبَّنَا هُبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَلَرَبَّاتِنَا فُرَةً أَعْيُنَ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِّنِ إِمَامًا"

Maksudnya:

"Wahai Tuhan kami, kurnikanlah bagi kami zuriat yang menyukarkan pandangan mata hati kami hasil daripada perkongsian kami dengan isteri kami, dan jadikanlah kami pengikut kepada orang-orang yang bertaqwah."

(Surah al-Furqan (25):75)

Justeru, kelahiran zuriat adalah penyambung kasih sayang sepasang suami isteri yang telah diijab-kabulkan. Maka tidak hairanlah kenapa setiap pasangan ingin memperolehi zuriat secepat mungkin dan ingin menimang cahaya mata hasil dari perkongsian hidup suami isteri.

Oleh kerana kelahiran zuriat merupakan suatu persoalan yang diambil berat oleh Islam dan juga penganutnya maka persoalan ini tidak pernah dianggap remeh oleh Islam kerana ianya merupakan nadi di dalam membangunkan sesebuah ummah. Pembangunan umat Islam yang sangat utuh, sangat diidam-idamkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W yang digambarkan oleh baginda melalui gesaannya terhadap pemilihan bakal isteri sebelum berlangsungnya perkahwinan.² Yang jelas, baik dan buruknya sesebuah masyarakat sangat bergantung kepada era perkahwinan dan kelahiran sesebuah

¹ Abd. Allah Nāsiḥ ‘Ulwān (1999) , *Tarbiyatul al- Awlād fī al-Islām*, jld. 1, cet.32. al-Qaherah: Dar al-Salam, h.42.

² Ibn Qayyim al-Jawzī (1995), *Tuhfat al-Mawdūd Bī Ihkāmī al-Mawdūd*, cet.1. Beirut: Dar-al-Khair, h .23.

keluarga. Ini adalah kerana pembentukan manusia yang kamil akan terbentuk selepas berlakunya proses pendidikan yang sempurna samada semasa kecil mahupun ketika dewasa.³

Sesungguhnya, Islam telah menetapkan pentas perkahwinan di antara lelaki dan perempuan⁴ demi mewujudkan kelangsungan hidup manusia di muka bumi Allah ini. Dengan kata lain, kelahiran zuriat merupakan suatu aset terpenting dalam pembinaan sesuatu ummah dan kemakmuran alam dunia ini.

Justeru, pendidikan selepas kelahiran sangat ditekankan di dalam ajaran Islam agar generasi yang lahir terdiri daripada generasi yang dapat memakmurkan bumi Allah ini. Betapa wajarnya Islam menjadikan pentas perkahwinan sebagai paksi kepada kemaslahatan sesebuah ummah⁵ dan mengiktiraf hanya umat Islam yang mampu memakmurkan bumi Allah ini.⁶ Untuk itu, penekanan Islam kepada pendidikan bermula dari awal kelahiran lagi. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah dalam satu hadithnya :

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُؤْذَى لِدُ عَلَى الْفَطْرَةِ فَلَا يُؤْذَى يَهُودَيْهِ وَيَنْصَارَانِهِ وَيَمْجَسَانِهِ"

Maksudnya :

"Daripada Abū Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda "Setiap anak yang dilahirkan berada dalam keadaan suci fitrah, maka ayah dan ibunya lah yang menjadikan anak itu Yahudi,Nasrani atau Majusi "⁶

(Riwāyat Ahmad)

³ Abd. Allah Nāsiḥ ‘Ulwān, *Op.cit*, h. 44.

⁴ *Ibid.*

⁵ Lihat Surah Taha (20): ayat 124.

⁶ Abī ‘Abdullāh al-Syāibānī (1993), *Musnād Imām Ahmad bin Ḥambal*, Juz 2,cet.2.Berut: Dar Iḥyā’ al-Thuruth al-Arabiyyah, no. 7384, Abi Abdullah Muhamad bin Ismail bin Ibrahim (t.t) *Sahīh al-Bukhārī*, juz. 7, al-Qaherah: Dar-al-Matabi al-Sa’bi, no. hadith 1270.

Ummah dan masyarakat yang sejahtera amat diperlukan di dalam sesebuah negara. Hasil daripada itu kita sering didengarkan dengan ungkapan “*Keluarga Sihat Masyarakat Sejahtera* ” sebagai komitmen terhadap inspirasi agama mereka .

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Kajian ini sebenarnya ialah hasil rentetan daripada intipati gerakan kebangkitan Islam yang mana ianya berkonsepkan kepada kembali kepada Islam dan meninggalkan apa-apa yang tidak jelas dalam beragama yang lahir daripada ideologi sekularisme dan adat-adat pra Islam⁷. Sebenarnya sejarah telah membuktikan bahawa penerimaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu merupakan suatu tahap perubahan penting kepada budaya Melayu, malahan dianggap Islam membawa satu perubahan pemodenan dan kemajuan kepada kehidupan orang Melayu.⁸ Penerimaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu merupakan suatu tahap perubahan penting kepada budaya Melayu, malah dianggap Islam membawa suatu pembaharuan, pemodenan dan kemajuan hidup kepada orang Melayu.⁹ Dalam membina imej Islam di kalangan orang Melayu didapati umumnya penerimaan Islam bukan setakat luaran tetapi meresap dalam, menyeluruh sebagaimana kedudukan Islam di pusat perkembangannya di tanah Arab.¹⁰ Yang jelas walaupun masyarakat Malaysia telah pun mengalami proses pemodenan dan terkesan dengan pengaruh kebangkitan Islam pada abad 21, masih ada lagi di kalangan masyarakat yang

⁷ Mahmood Zuhdi , (t.t), *Dynamise Syari'ah*, Kuala Lumpur:Akademi Pengajian Islam, h. 94.

⁸ Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1988), “Tradisi Budaya Melayu”, *Jurnal pengajian Melayu*,Jld. 8, h. 84.

⁹ Al-Attas, S.M.Naqib,(1963), “On the need for a study of Malaysian Islamisation.” *Journal Of Southeast Asian History*, bil. 4, h. 68.

¹⁰ Wan Abdul Kadir, “Imej Melayu dalam masyarakat Melayu Tradisional ”, Yacob Harun, *Kosmologi Melayu* (2001),cet.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 511.

percaya pada adat yang salah yang masih berkembang dalam masyarakat. Oleh itu timbulah satu komitmen dan daya usaha untuk memperjelaskan kepada sesuatu masyarakat tentang adat-adat pra Islam yang masih lagi diterima pakai sebagai kepentingan dalam kajian ini. Ini adalah kerana agama Islam berkonseptkan terang lagi nyata sebagaimana firman Allah :

وَقُدْ فَصَلَ لِكُمْ مَا حَرَّمْ عَلَيْكُمْ

Maksudnya:

“ Sesungguhnya Allah-telah menerangkan kepada kamu apa yang ia haramkan kepada kamu”

(Sūrah al-An'ām (6):119)

Sebelum membicarakan tentang sesuatu adat dan kebudayaan sesebuah masyarakat terutamanya masyarakat Islam di Kelantan khususnya di jajahan Tanah Merah, seseorang penyelidik mestilah mengetahui dan mendalami secara terperinci mengenai sejarah tentang kebudayaan, kepercayaan dan pemikiran masyarakat Melayu atau dengan kata lain mengenali identiti masyarakat Melayu. Adalah tidak memadai sekadar kita menyebut orang Melayu pada peringkat awal mempercayai unsur anismisme, diikuti dengan Hindu-Buddha dan akhir sekali Islam. Kita harus membuktikan sejauh mana masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu dan amnya di Kelantan menerima dan menghayatinya terutamanya anismisme dan Hindu-Buddha kerana sumbernya (dalam bentuk amalan) amat berkurangan berbanding dengan Islam.

Penyebaran Islam di Tanah Melayu di peringkat awal membuktikan bahawa berlaku secara lisan dan disampaikan oleh mubaligh-mubaligh atau mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang Islam.¹¹ Dalam

¹¹ Wan Abdul Kadir, *Op.cit.*

penyampaian seperti itu, penekanan diberikan tentang hukum-hukum Islam dan amal ibadat yang berkaitan. Bagi menjamin Islam dapat berkembang secara meluas, perubahan terhadap tradisi budaya Melayu tidak dapat dilakukan secara mendadak.¹² Proses islamisasi berlaku secara berterusan dan dengan demikian ilmu pengetahuan orang ramai tentang agama semakin meningkat.¹³

Walaupun proses perubahan pesat berlaku apabila orang Melayu menerima Islam, tetapi mereka juga menyedari kedudukan adat dan bangsa mereka yang berbeza daripada umat Islam yang lain. Mereka tetap mempertahankan kepentingan dalam menyatakan identiti budaya dan bangsa yang dapat membezakan mereka daripada bangsa-bangsa lain.¹⁴ Proses perubahan ini lebih dikenali sebagai penyebaran ala *sufism* yang lebih bersifat terbuka, mesra budaya dan mementingkan ilmu pengetahuan.¹⁵

Perubahan yang berlaku melalui proses *difusi* budaya bermula sejak pesatnya penerimaan pengaruh budaya hindu-Buddha. Dalam penerimaan pengaruh budaya itu, orang Melayu tetap mempertahankan identiti budaya dan bangsanya. Selepas itu, apabila penerimaan Islam oleh pemerintah dan rakyat jelata merupakan gelombang perubahan budaya yang amat penting. Islam membawa perubahan yang menyentuh keseluruhan cara hidup orang Melayu.

Sebelum kedatangan agama Hindu dan Islam , orang Melayu memiliki kepercayaannya sendiri, yang disebut sebagai *Malay Magic* atau *Malay Folk-*

¹² Rahimin Affandi Abd.Rahim (1994), "Budaya Taqlid di dalam masyarakat Melayu: Satu tinjauan ringkas", dalam *jurnal Syarī'ah*, v.3, bil. 1, h. 29-30.

¹³ Syeid Muhammad Naquib al-Attas, *Op.cit.* hl. 73.

¹⁴ Ibn Taymiyyah, (1985), *Iqtidā' al-Sirr al-Mustaqqīm Mukhālafah Ashābul al-Jahīm*, jld. 2,cet.1. Beirut:Dar-al-Fikr, h. 594.

¹⁵ Lihat Peter Riddel (2001), *Islam and the Malay- Indonesian World*, cet.1. Singapore: Pustaka Nasional, hlm 101-135.

*Belief.*¹⁶ Semangat adalah konsep teras dan utama dalam kepercayaan tradisi Melayu dan kepercayaan Melayu tradisi yang *antropomorfik* sifatnya, bermaksud setiap kejadian, hidup atau tidak memiliki semangat. Apabila orang Melayu beragama Islam, mereka mendapat keyakinan baru bahawa martabat manusia cukup tinggi berbanding kejadian-kejadian Tuhan yang lain.

Sebagaimana juga kepercayaan tradisi lain, kepercayaan tradisi Melayu memiliki mitosnya. Kejadian alam, mitos asal-usul dan sebagainya. Pengucapan mitos-mitos ini dikenali oleh orang Melayu sebagai jampi, serapah dan mentera (sanskrit). Dengan kemasukan Islam dikenali pula dengan doa.¹⁷

Namun, selepas pendekatan *sufism* muncul pula pendekatan baru yang lebih berbentuk *reformisme* yang terpengaruh secara langsung daripada warisan gerakan *tajdid* ala Timur tengah yang rata-ratanya agak keras pendekatannya dan tidak diterima di kalangan penduduk Melayu.¹⁸ Kaedah ini kemudiannya dalam era selepas Malaysia mencapai kemedekaan telah disokong kuat oleh kebanyakan sarjana tempatan.¹⁹

Sebenarnya pendekatan *reformisme* ini dalam banyak keadaan kurang menghargai sumbangan sarjana silam, secara khususnya sumbangan golongan sufi terhadap perkembangan Islam. Mereka lebih cenderung untuk menilai perkembangan tamadun Melayu dari perspektif halal dan haram, memerangi

¹⁶ Jurji^ī Zaydān (1967), *Tārīkh al-Tamaddun al-Islāmī*, jld. 3, Beirut: Dar Maktabah al-Hayat, h. 42-44.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya*, Kuala Lumpur: Zi United Press, h. 171-172.

¹⁹ Rahimin Affandi Abd.Rahim (2001), "Gerakan Tajid di Malaysia: Teori dan Realiti" dalam *Dinemisme Pengajaran Syari'ah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, h. 94-95.

usaha *bid'ah* dan meruntuhkan apa yang telah dibina oleh sarjana Alam Melayu sebelumnya.

Sehubungan dengan itu juga, adalah wajar di dalam kajian ini, penulis cuba memperjelaskan beberapa kekeliruan yang mungkin terdapat dalam pemikiran para ilmuan terutama sarjana-sarjana yang menganggapkan bahawa kajian tentang Melayu tiada kaitan dengan Islam atau menyamakan adat Melayu dengan adat Timur tengah dalam kajian yang menyentuh persoalan adat di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat melalui ungkapan pepatah Melayu yang menyebut “*Biar mati anak jangan mati adat*” diterjemahkan kepada tanggapan fanatik masyarakat Melayu terhadap adat warisan mereka. Untuk itu, kita perlu memahami konsep Melayu di negara kita ini yang tidak dapat dipisahkan daripada Islam. Mengikut Perlembagaan Malaysia, Islam ialah ciri-ciri penting dalam memberi konsep “*orang Melayu*”. Pernyataan ini berasaskan kepada tradisi yang menganggap semua orang Melayu, tidak mengira asal keturunan berpegang kepada Islam.²⁰

Adakalanya Islam menjadi faktor yang paling utama, selain faktor bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu dan pengamalan tradisi budaya Melayu dalam menentukan orang Melayu. Walaupun mereka daripada berbagai keturunan, tetapi Islam merupakan faktor penting dalam menyatukan mereka sebagai kelompok Melayu. Mereka yang daripada Arab Peranakan dan India Peranakan dapat diterima sebagai kelompok Melayu berasaskan faktor Islam. Mereka yang bukan Melayu apabila berkahwin dengan orang Melayu dianggap sebagai “*masuk Melayu*” yang menyatakan mereka menerima Islam.

²⁰ Wan Abdul Kadir,*Op.cit.*, h. 92.

Justeru, mengikut kepercayaan warisan orang Melayu, mereka yang walaupun sentiasa menyeleweng dan kurang pengetahuan tentang Islam tetap menganggap dan merasakan diri mereka sebagai orang Islam. Oleh itu, konsep Melayu tidak dapat dipisahkan daripada Islam. Di mana orang Melayu sentiasa menganggap tradisi budaya atau adat berteraskan Islam. Amalan yang diwarisi sekian lama dianggap tidak bercanggah atau bertentangan dengan kehendak Islam walaupun tradisi itu tidak dibawa oleh orang Islam yang membawa agama itu ke rantau ini.

Maka, adalah tidak wajar kepada sesiapa yang mengatakan bahawa adat-adat warisan Melayu yang diterima pakai selama ini adalah tidak Islamik. Walaupun, ada kemungkinan di dalam mengamalkan budaya dan adat-adat berkenaan masih lagi bersifat yang tidak Islamik sepenuhnya. Yang jelas, kegiatan-kegiatan dalam kehidupan orang Melayu dirancang dengan berpandukan perubahan tabie' alam sekeliling serta petanda-petanda yang lain.

Berkemungkinan timbulnya kekeliruan sedemikian kerana dipengaruhi oleh sikap negatif yang biasanya dipegang oleh sarjana Islam sendiri terhadap persoalan adat Melayu dengan sikap yang agak keras, tegas, tertutup dan tidak bertolak ansur terhadap mana-mana adat warisan Melayu termasuklah juga warisan atau adat menyambut kelahiran.

Maka seperti mana halnya dengan pelbagai disiplin pengajian yang memerlukan kerangka kaedah pengajian yang khusus, hal ini sama juga patut dilakukan dalam usaha untuk membuat pentafsiran yang betul terhadap adat-adat warisan terutamanya adat-adat menyambut kelahiran bayi. Dengan itu penulis cuba menggunakan pendekatan pertengahan “*wasatiah*” iaitu tidak ketat atau longgar dalam menentukan pentafsiran hukum terhadap adat-adat menyambut

kelahiran ini. Di mana ianya perlu dikaji samada harus ataupun haram. Hal ini amat perlu memandangkan ianya sentiasa berkembang dalam masyarakat demi menghapuskan elemen buruk dan mengalakkan elemen baik. Justeru kajian terperinci perlu dilakukan kepada masyarakat di jajahan Tanah Merah dengan kajian ini.

1.2 Kepentingan Kajian

Pada dasarnya terdapat beberapa kepentingan yang boleh disumbangkan dengan kajian ini antaranya:

(1) Dapat memantapkan pengetahuan penulis di samping dapat memberi sumbangan yang bermakna dalam memperjelaskan kepada masyarakat berkenaan amalan tradisi mereka supaya mereka dapat menguruskan kehidupan walaupun menggunakan adat dan tradisi tetapi biarlah adat tradisi dan amalan warisan mereka diiktiraf oleh Islam sebagai sah diamalkan dan tidak terkeluar dari ajaran Islam. Ini bertepatan dengan sebuah hadīth Rasulullah :²¹

مَنْ أَحْدَثَ فِي هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya:

“Sesiapa yang membuat sesuatu perkara yang bukan daripada nilai-nilai kami maka ianya ditolak”.

(Riwāyat Muslim)

(2) Dapat menjadikan suatu kesinambungan dalam proses pengislamisasi sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Islam di Jajahan Tanah Merah Kelantan, agar mengikut norma-norma agama yang luhur. Dengan

²¹ Al-Nawawi, *Op.cit.*, Bab Ḥaqdiyyah, no.hadith 1718.

kata lainnya sebagai meneruskan konsep *tajdid* dalam konteks masyarakat Malaysia amnya.

(3) Dapat menentukan baik buruknya sesuatu adat untuk diterima pakai oleh masyarakat. Jadi adalah sayugianya penulis menyentuh mengenai adat dalam konteks masyarakat Islam Melayu amnya di Malaysia dan khasnya di Kelantan. Di mana adat dalam konteks masyarakat Melayu mempunyai makna dan pengertian yang luas, malah mencakupi keseluruhan cara hidup yang menentukan peraturan sosial (*sosial order*) bagi mencapai keharmonian dan kestabilan sosial. Berasaskan kepada adat anggota masyarakat dapat menyusun kehidupan bersesuaian dengan keperluan bersama. Adat tradisi berteraskan kepada Islam apabila orang melayu menerima Islam sebagai pegangan keagamaan. Dalam konteks yang lebih khusus, adat merujuk kepada hukum-hukum dan peraturan yang perlu diikuti anggota masyarakat.²²

Dalam pada itu, adat juga menentukan kehidupan sosial sebagaimana yang dinyatakan “*hidup dikandung adat dan mati dikandung tanah*”. Adat sebagai tradisi budaya yang merupakan lambang penting dalam menyatakan identiti yang dapat membezakan antara bangsa Melayu dengan bangsa-bangsa lain. Orang Melayu menyedari pentingnya adat dalam membina identiti budaya bangsa. Dengan menjaga dan mengekalkan adat bermakna mempertahankan identiti budaya dan bangsa.

(4) Dapat menilai kembali konsep *bid'ah* agar tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan para sarjana dan ilmuan serta masyarakat setempat khasnya. Penulis sebenarnya cuba mencari suatu penyelesaian untuk kebaikan bersama demi menggalakkan perlakuan yang membawa kebaikan pada diri

²² Yaakob Harun (2001), *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, cet. 1. h. 512.

ataupun orang lain dan tidak termasuk dalam apa yang dilarang oleh syara' samada larangan yang berbentuk khusus ataupun apa yang boleh menyebabkan kerosakan pada masa yang akan datang.²³ Ini bertepatan dengan kaedah syara' sebagaimana di dalam firman Allah :

وَيَسَارُ عُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya:

"Dan mereka itu bergegas-pulus untuk melakukan kebaikan dan mereka itu tergolong daripada orang-orang yang soleh".

(Sūrah al-Imrān (3) :114)

Di sini juga perlu diperjelaskan bahawa sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat bukanlah bererti tidak dianjur oleh syariat. Pendapat yang mengatakan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabatnya adalah *bid'ah* kurang tepat apabila dilihat dari dua sudut iaitu:

- i. Sesuatu yang tidak dilakukan itu tidak menunjukkan yang ia dianjurkan oleh syariat dan tidak juga menunjukkan ia ditegah olehnya, tetapi perkara tersebut dikira sebagai perkara harus "*ibāhah asliyyah*". Jadi apabila sesuatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya tidak menjadi dalil yang ianya dilarang, selagi mana tidak terdapat dalil yang jelas melarangnya.

Dalam pada itu juga, jika ianya dilihat di dalam mana-mana kaedah am syariat "*qawā'i'd syar'iyyah*" atau ia dapat *dīqiyāskan* dengan perkara yang disebut nas. Sekiranya ia termasuk dalam perkara tersebut, maka kita mengatakan bahawa ia terdapat di dalam syariat dan sekiranya ia ditolak oleh

²³ 'Abd.Mālik Abd.Rahmān Assa' di (2002), *Bid'ah fī al-Mafhūm al-Islāmī al-Daqiq*, Muhammad Fadhlī Ismail, (terj), Kuala Lumpur: Darul Nu'man, cet. 1. h. 16.

kaedah atau bertentangan dengan nas-nas, maka kita katakan yang ia adalah *bid'ah*.

ii. Pendapat yang mengatakan : Kalau ia baik, sudah tentu ia dilakukan oleh seorang yang lebih baik daripada kita. Ini adalah pendapat yang seolah-olah menganggap syariat Islam sesuatu yang jumud, kerana menyempitkan skopnya yang syumul itu hanya kepada kurun yang pertama sahaja daripada umat ini. Realitinya tidaklah sebegini, Islam bukannya tidak mampu untuk menetapkan hukum pada setiap amalan atau peristiwa yang berlaku samada dalam bidang muamalah atau sebahagian daripada ibadat yang ditentukan atau diputuskan oleh syariat, iaitu dengan berpandukan kepada kaedah-kaedah am atau prinsip-prinsip yang terdapat dalam syariat. Bahkan syariat adalah bersifat lentur tidak jumud.²⁴

(5) Dapat membezakan segala amalan kebaikan yang dilakukan oleh mana-mana kelompok masyarakat yang sering dianggapnya sebagai *maslahah*, apakah ianya bertepatan dengan konsep *al-Maslahah al-Mursalah* yang sebenar. Yang pada hakikatnya, *maslahah* dalam hukum syara' sukar untuk dibezakan dengan *bid'ah*, melainkan dengan jalan syariat yang penuh hikmah dan tidak dengan lainnya. Mungkin di sinilah bermulanya bibit-bibit percampuran hukum-hukum *maslahah* dengan *bid'ah* yang lahir daripada ilmuan-ilmuan kerana mereka memutlakkan sebahagian besar *bid'ah* sebagai hal-hal yang *maslahah* atau mereka menilainya termasuk di dalam bab "*Masālih al-Mursalah*".²⁵

²⁴ Jurjī Zaydān (1967), *Tārīkh al-Tamaddun al-Islāmī*, jld. 3, Beirut: Dar Maktabah al-Hayat, h. 42-44.

²⁵ Sila lihat Wahbah al-Zuhaylī (1986), *Uṣūl-fiqh al-Islāmī*, Jld.2, Syria : Dar al-Fikr, cet. 1. h. 757, "*Masālih al-Mursalah*" dalam definisi ulama usul fiqh adalah sifat-sifat yang sesuai dengan pelbagai kehendak Allah dan tujuan-tujuanNya, tetapi tidak terdapat dalil tertentu yang mendokongnya dengan pengakuan atau penolakan dan pengakuan ini terjadi dari sisi hubungan hukum dengan penarikan *maslahah* atau penolakan *mafsadah* dari manusia.

Sehubungan dengan itu, ianya diharapkan agar dapat menentukan batasan-batasan yang membezakan *bid'ah* dan *maslahah* berdasarkan kepada amalan yang diamalkan dalam sebuah masyarakat. Ini merujuk kata-kata Syeikh Islam al-Imam Ibn Taymiyyah²⁶:

“Ada batasan ‘dalam hal ini dan Allah adalah yang lebih mengetahui, apabila manusia tidak membuat sesuatu yang baru (*bid'ah*) melainkan mereka melihatnya sebagai kemudahan. Jika mereka meyakininya sebagai kerosakan, nescaya mereka tidak akan membuatkan sesuatu yang baru. Sebab yang demikian tidak diperintahkan oleh akal dan agama. Maka apa yang dilihat oleh manusia sebagai kemudahan harus dicermati sebab ketiadaanya. Jika sesuatu keperluan itu adalah sesuatu yang terjadi setelah wafat Rasulullah , ianya tidak melampaui batas, maka dalam hal yang demikian ia diperbolehkan mengadakan sesuatu yang baru kerana tuntutan keperluan kepadanya”.

(6) Dapat mengembalikan autoriti para ulama silam yang mana ada sesetengah golongan yang sanggup mempertikaikan autoriti para ulama silam terutamanya dalam membenarkan adat-adat warisan yang telah ditanam oleh nenek moyang mereka terdahulu.

Sekaligus dapat menangkis tomahan-tomahan yang cuba di mainkan oleh golongan-golongan yang tertentu terhadap segolongan ulama lain yang mempunyai pendapat yang tidak sesuai dengan seleranya atau prinsipnya, walaupun mereka yakini bahawa mereka yang dipertikaikan itu benar dalam beberapa aspek yang lain. Sebagai contohnya mereka mempertikaikan dan menolak secara mutlak pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Imam Ibn Taymiyyah dan anak muridnya, Ibn Qayyim apabila didapati bercanggah dengan hawa nafsunya dengan alasan untuk memelihara sunnah dan menjauhi perkara *bid'ah*.

²⁶ Ibn Taymiyyah, (1985), *Iqtida' al-Sirāt al-Mustaqīm Mukhālafah Ashābul al-Jahīm*, jld. 2, cet.1.Berut:Dar-al-Fikr,h. 594.

Diharapkan ianya dapat memperbetulkan keadaan bagi mereka yang kini berani menentang *taqlīd* kepada mazhab-mazhab tertentu, sedangkan dia sendiri bertaqlid kepada salah seorang ulama hadith di zaman kini bahkan mengikut ulama hadith itu secara melulu dalam mempertikaikan para fuqaha dan ulama lain tanpa disedarinya. Sepatutnya kita perlulah meniru cara para *muhaddithīn* terdahulu, antaranya Imām Muslim, Al- Tirmidhī dan Al-Nasā'ī menyerahterahkan persoalan fiqh kepada para *fuqahā'*. Mereka hanya mengemukakan dalil-dalil fiqh dalam masa mereka berkecimpung dalam mengumpulkan hadith.²⁷ Sikap mereka dengan para *fuqahā'* jelas tertera dalam suatu ungkapan yang masyhur yang ditujukan kepada para fuqaha iaitu: : “*Kami menyediakan ubat, kamu adalah doktor*”²⁸

(7) Dapat dijadikan suatu mesej perantaraan yang mampu menyampaikan kepada mereka yang mlarang secara mutlak menggunakan kaedah *qiyyās* atau *ijtihād* dalam persoalan ibadat, tidak pada soalan muamalah, agar mereka dapat menerima hakikat bahawa persoalan ibadat itu adakah dapat diketahui maksudnya melalui akal, maka ianya boleh dijadikan sebagai sandaran *qiyyās*. Adapun yang tidak diketahui maksudnya melalui akal, maka dilarang menggunakan *qiyyās* dan *ijtihād* padanya. Sebagai contohnya, dalam menetapkan satu “*miqāf*” baru iaitu *Dhāt 'Irq* bagi jamaah haji atau umrah yang datang dari sebelah Iraq, Saidina Umar mengqiaskannya dengan tempat yang setentangan dengannya iaitu *Qarn al-Manāzil*, sedangkan Rasulullah S.A.W.

²⁷ Abd. Malik Abdul Rahman, *Op.cit.t*, h. 39.

²⁸ *Ibid.*

hanya menetapkan empat tempat sahaja sebagai "miqāt" tetapi sayyidinā Umar menambah satu lagi iaitu *Dhāt 'Irq* menjadi lima.²⁹

1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji kedudukan asal-usul adat dan kebudayaan orang Melayu Islam melalui pengamalan mereka terhadap adat-adat menyambut kelahiran bayi samada sebelum kelahiran ataupun selepasnya. Di mana orang Melayu Islam memang terkenal dengan kepercayaan terhadap sesuatu seperti semangat dan jampi mentera. Di samping menilai sejauh manakah amalan tersebut menepati hukum syarak dalam bentuk *rūhiyyah* atau *maqāṣid mutaqāribi Allah* atau syiar Islam.³⁰
2. Mengkaji dan mengenal pasti bentuk kejumudan dan pembaharuan dalam konsep dan tatacara amalan adat yang dipraktikkan dalam masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah, Kelantan berdasarkan sumber Islam yang asli sebagai menilai kewujudan penyelewengan ataupun tidak di dalam sesuatu adat atau amalan harian mereka.
3. Meneliti jumlah, bentuk dan sejauh mana meluasnya amalan adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Islam khususnya di kalangan masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah, Kelantan.

²⁹ Ibn Qudāmah Al-Maqdīsī, (1993), *Al-Muḡhnī*, jld.3, Mesir: Maktabah al-Jumhuriyyah, h. 258, Ibn Hajar al-Asqalani (1995), *Fatuhul al-Bārī Syarah Sahih al-Bukhārī*, jld. 3, cet.3. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 389.

³⁰ Yusof al-Qardāwī (1998), *Sunnah Masdarān Lil Makrifah Wal Hadārah* , cet. 2. al-Qaherah: Dar al-Syuruq, h. 229.

4. Mengenal pasti sejauh mana penyelewengan amalan atau adat menyambut kelahiran bayi dengan ajaran Islam dan perangkaan amalan-amalan adat yang selaras dengan ajaran dan tuntutan Islam dalam kalimah “*Tiada Tuhan Melainkan Allah Dan Nabi Muhammad Itu Rasulullah* sebagaimana yang dapat difahami melalui ucapan Ibn Mas’ud daripada Rasulullah bersabda:

اتَّبِعُوا وَلَا تَتَبَدَّلُوا فَقْدَ كَفَيْتُمْ

Maksudnya:

“Ikitilah dan janganlah kamu mencipta bid’ah kerana apa yang telah diberikan kepada kamu telah mencukupi”³¹
(Riwayat al-Tabrāni)

5. Menjadi bahan rujukan kepada kaum muslimin khususnya masyarakat Melayu Kelantan ke arah memelihara ketulenan dan kesucian ajaran Islam daripada dicemari unsur *bid’ah* dan *khurāfāt* yang dapat mengeruhkan kemurnian Islam dan menyebabkan perpecahan kaum muslimin kepada beberapa golongan dan parti. Saling jatuh menjatuhkan sesama mereka kerana mengenepikan apa yang telah di jelaskan Allah S.W.T. di dalam kitabnya.
6. Menjuruskan kepada para dakwah dan ulama membuat pendekatan dan penjelasan tentang Islam dan memberi peringatan terhadap perkara-perkara *bid’ah* yang semakin menular dalam setiap ibadat. Sekiranya dibiarkan ianya akan berleluasa di setiap lapisan masyarakat. Pada masa itu, nasihat dan dakwah sudah tidak berguna lagi.

³¹ Abū Qāsim Sulaymān Ibn Ahmad Tabrānī (t.t) *Al-Tabrānī al-Kabīr*, cet.1.Berut: Ibn Taymiyyah, no.hadith 1545

7. Sebagai menambah perbendaharaan tulisan dalam kajian hukum semasa dan sebagai kesinambungan terhadap pembaharuan hukum di dalam konteks negara Islam.
8. Menjadikannya sebahagian daripada ilmu *hikmah*³², sebagaimana yang disebut di dalam hadith sahih yang di riwayatkan oleh Imām Bukhārī sebagaimana sabda Rasulullah yang bermaksud :

“ Ya Allah, ajarkanlah kepadanya ilmu hikmah”³³
9. Untuk memastikan amalan- amalan yang digalakkan³⁴ oleh Islam tidak dialpakan ataupun dicuaikan oleh masyarakat Islam yang kadang- kadang boleh membawa kepada terjerumusnya ke arah meninggalkan perkara wajib dan fardhu serta akhirnya kepada mencuaikan ajaran Islam keseluruhannya. Maka jadilah dia seorang muslim yang pada zahirnya muslim tetapi mengamalkan kekufuran.³⁵

1.4 Skop Kajian

Kajian ini lebih memberi fokus kepada aspek pengamalan dan kepercayaan terhadap adat-adat kelahiran dalam masyarakat Islam di 3 DUN jajahan Tanah Merah, Kelantan. Di mana sampel kajian ini melibatkan masyarakat Islam yang menetap di kawasan pedalaman, di pinggir Bandar dan di Bandar. Oleh itu, fokus utama kajian ini akan tertumpu kepada:-

³² Syeid Qutb, *Fī Zilāl Al-Qurān*, jld.1, h. 312, *Al- Hikmah* ialah keseimbangan mengetahui alasan dan *basirah* yang membimbing seseorang ke arah tingkah laku dan perbuatan yang baik dan benar.

³³ Ibn Hajar Al-'Asqalānī (1995), *Fathu Al-Bārī* ,Op.cit.,bab 7, no.hadith 100, h. 23, Hassan Mahmood (2002), *Ahkām al-Islām*, cet.1. Misr: Dar al-Syuruq, h. 11-12.

³⁴ Sunat

³⁵ Syeikh Abdullah Ulwān (1995), *Pendidikan Kanak- kanak menurut Pandangan Islam*, Syed Ahmad Semait (terj), jld.1, cet.1. Singapore: Pustaka Nasional, h. 11.

(1) Faktor atau sebab wujudnya adat-adat menyambut kelahiran bayi sama ada sebelum atau selepas bersalin dalam masyarakat Islam di jajahan tersebut . Namun penulis lebih banyak menumpukan pengamatan dan pemerhatian di kawasan pedalaman memandangkan pengamalan adat-adat masih berterusan dan berleluasa. Di sisipkan juga perbezaan di antara adat-adat atau tatacara amalan sesuatu adat yang diamalkan sekiranya ada.

(2) Bentuk adat dan pantang larang yang masih diamalkan oleh ibu-ibu mahupun bapa sebelum dan selepas bersalin dalam masyarakat Islam di jajahan tersebut bagi abad 21. Ini memandangkan abad 20 bermulanya zaman kesedaran Islam semakin hebat jika dilihat melalui fizikal dan intelektual.³⁶ Bahkan ianya juga suatu tempoh peralihan zaman selepas mencapai proses kemerdekaan³⁷ dan era arus kemodenan.

(3) Amalan-amalan yang menepati sunnah Rasulullah S.A.W dan juga bentuk- bentuk penambahan kepada sunnah yang telah dibawa oleh baginda di dalam merealisasikan Islam di bumi Allah ini.

(4) Kepercayaan masyarakat Islam di jajahan tersebut terhadap sesuatu adat yang diamalkan oleh mereka ketika menyambut sesuatu kelahiran.

(5) Latar belakang tiga status kumpulan sasar iaitu berpendidikan rendah, sederhana dan tinggi. Responden yang berpendidikan rendah ialah mereka yang tidak bersekolah, bersekolah hanya tamat tahun enam dan PMR sahaja. Manakala yang berperingkat sederhana pula ialah yang tamat tingkatan 5 (SPM) dan tamat tingkatan 6 bawah dan atas (STPM), seterusnya peringkat Tinggi ialah dari lepasan Maktab, Kolej dan Universiti. Begitu juga sampel diambil daripada

³⁶ Muhammad Abu Bakar (2000), “Dakwah Di Persimpangan: Hala Tuju dan Masa Depan Islam di Malaysia dalam Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru”, Bangi, h. 207-213.

³⁷ Mohd Sarim Mustajab (1982), “Gerakan Islah Islamiah di Tanah Melayu : 1906-1948, dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan,” Kuala Lumpur, h. 150-151.

mereka yang beraliran pendidikan agama dan tidak berpendidikan agama bagi membandingkan dan seterusnya menilai tahap pengamalan mereka terhadap sesuatu adat menyambut kelahiran.

(6) Kajian ini juga menumpukan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi dari resphodan yang terlibat secara langsung dengan adat-adat kelahiran seperti bidan-bidan kampung, tuan-tuan imam, ustaz-ustaz, tuan-tuan guru, pawang-pawang, pegawai-pegawai perubatan dan pengamal-pengamal adat-adat warisan serta daripada ibu-ibu yang telah melahirkan anak. Dalam pada itu juga, penulis lebih mengutamakan memilih responden yang tahap umur bermula dari 21 tahun hingga ke atas sebagai penentu kepada arus perubahan tradisi setelah dilanda pelbagai arus kemodenan.

1.5 Metodologi Kajian

Perkataan metodologi berasal dari perkataan Yunan iaitu “ *metod* ” yang bererti cara atau jalan dan “ *logos* ” yang bererti ilmu. Jadi “ *metodologi* ” ini ialah suatu ilmu tentang cara menyediakan sesuatu penelitian .³⁸

Metodologi merupakan suatu yang penting dalam pengkajian ilmu supaya sesuatu kajian itu lebih bermutu tinggi. Bagi menghasilkan kajian yang bermutu tinggi, terdapat beberapa teknik penyelidikan yang digunakan dalam sesuatu kajian ilmiah ini. Teknik penyelidikan ini adalah merangkumi :

1.5.1 Metod Pengumpulan Data

1. Penyelidikan perpustakaan (*Library research*)
2. Penyelidikan lapangan (*Field research*)

³⁸ Koenjanigarat (1988) *Metod Penilaian Masyarakat*, cct.1. K.Lumpur: Pustaka Jasmin, h. 19.

Dalam kajian yang akan dilakukan ini, penulis hanya akan menggunakan dua kaedah sahaja iaitu penyelidikan perpustakaan yang lebih berbentuk analisis dokumen³⁹ dan penyelidikan lapangan iaitu dalam bentuk kajian kes.⁴⁰

1.5.1.a Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan ini adalah merupakan kaedah yang pertama dalam penulisan membuat liputan kajian. Banyak data penyelidikan diperolehi dari perpustakaan di sekitar Universiti Malaya, Kuala Lumpur, antaranya :

- Perpustakaan Negara Malaysia
- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
- Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya
- Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.

1.5.1.b Penyelidikan Lapangan

Penulis telah memilih jajahan Tanah Merah sebagai lokasi subjek penyelidikan utama dalam rangka kajian ini. Bagi melengkapkan penyelidikan dan mendapat maklumat yang banyak atau data yang diperlukan, penulis telah menggunakan beberapa metod penyelidikan , di antara kaedah yang dipilih oleh penulis untuk melakukan penyelidikan ialah :

³⁹ Lihat Mohd.Majid Konting, *Op.cit.*, h. 108.

⁴⁰ *Ibid.*

- Metod penentuan subjek
- Metod pengumpulan data.
- Metod analisis data.

1.5.1. b.1 *Metod Penetuan subjek*

Dalam memilih subjek ini, penulis telah memilih semua kawasan DUN di dalam jajahan Tanah Merah sebagai sampel penentuan utama di dalam kajian. Pengkhususan yang akan difokuskan adalah dari segi pengamalan adat secara terperinci menerusi beberapa *figura* yang penting dan berpengaruh atau pemegang-pemegang amalan tradisi ini. Mereka ini terdiri daripada imam-imam, bidan-bidan kampung, pawang-pawang dan tokoh veteran yang terpilih serta ibu-ibu yang telah melahirkan anak.

1.5.1.b.2 *Metod Pengumpulan Data*

Bagi memperolehi data dan fakta yang diperlukan, penulis telah menggunakan beberapa teknik seperti di bawah :

- *Metod Historis* (persejarahan)
- *Metod observasi* (pemerhatian)
- *Metod interview* (temubual)
- Metod dokumentasi (penilitian maksud sesuatu dokumen)
- Metod soal selidik (borang soal-selidik)

1.5.1.b.2.1

Metod Historis

Proses ini merupakan suatu proses untuk menetukan adanya pendapat yang betul mengenai sesuatu kajian.⁴¹ Metod ini digunakan untuk mencari data-data yang ada kaitan dengan nilai sejarah. Oleh kerana proses ini begitu rumit, penulis cuba menghindarkan fakta-fakta yang boleh menimbulkan kesalahan dan menjadi fakta sejarah yang benar-benar komprehensif. Bagi mendapat yang benar, penulis telah menggunakan dokumen dan sumber utama seperti al-Quran, al-Hadith, buku-buku, kitab-kitab dan juga majalah-majalah tentang sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu serta kebudayaan Melayu dan yang berkaitan dengannya.

1.5.1. b.2.2

Metod Observasi

Untuk lebih berkesan dalam mengumpulkan data, penulis akan membuat pemerhatian dengan mengunjungi tapak subjek dan melakukan pengamatan secara langsung.⁴² Dari pengamatan itu penulis akan membuat catatan mengenai objektif yang dikaji itu. Proses ini merupakan proses yang begitu penting dalam penyusunan kertas projek ini. Ini kerana ia menjadikan perbincangan tentang tajuk ilmiah ini lebih bersifat hidup dan berbentuk semasa.⁴³

⁴¹ Campbell, D, dan Stanley, J, (1963), "Experimental and Quasi Experimental Design For Research, Chicago: Rand McNally College Publishing Co, h. 35-37.

⁴² Lihat Marohaini Yusoff, (2001), "Pertimbangan kritisal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif" Marohaini Yusoff, (ed). *Penyelidikan Kualitatif: Pengamalan kerja lapangan kajian*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 35-36.

⁴³ *Ibid.*

1.5.1.b.2.3

Metod Interview

Untuk menjadikan kedah temuduga ini lebih bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro telah dijalankan:-

(1) Penulis telah mengadakan temujanji dengan beberapa orang bidan kampung, tuan-tuan imam mukim terabit, pawang-pawang dan pemegang-pemegang setia adat-adat bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temuduga disamping tidak membazirkan masa mereka yang berkemungkinan agak sibuk dengan tugas seharian.

(2) Penulis telah membahagikan proses temubual ini kepada dua sesi yang utama, iaitu dimulakan dengan pengenalan bagi menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara tidak langsung yang bakal merapatkan hubungan antara penulis dengan orang yang ditemubual.⁴⁴ Manakala yang keduanya ialah sesi temuduga sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian ini dibuat.⁴⁵

(3) Untuk memastikan kebolehpercayaan maklumat dan kedudukan orang ditemuduga tidak terjejas, penulis telah memaklumkan kepada mereka objektif kajian dan menyediakan borang persetujuan yang mengambilkira etika persetujuan berpengetahuan (*informed*

⁴⁴ Mohd. Majid Konting, *Op.cit*, h. 237-240.

⁴⁵ Lihat sebagai contohnya kajian yang menggunakan kaedah ini di dalam Suseela Malakolunthu, (2001), “Pengumpulan dan analisis data kuantitatif ; Satu imbasan” dalam (Ed. Marohaini Yusoff) *Penyelidikan Kuantitatif : Pengamalan Kerja Lapangan Kajian*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur,h. 123-125.

consent) seperti mana ditegaskan di dalam *code of ethical conduct for research involving humans.*⁴⁶

(4) Temuduga dilakukan secara terancang dengan menggunakan pita rakaman dan catitan, kemudian dipindahkan ke dalam bentuk transkrip penulisan.

(5) Soalan yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Disamping itu juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh responden yang ditemuduga.⁴⁷

(6) Kesemua yang ditemuduga adalah merupakan mereka yang pernah melalui atau yang masih berpegang dengan adat-adat menyambut kelahiran di satu-satu kawasan kajian demi memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama.

(7) Isi kandungan temuduga ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

(8) Proses pengumpulan data melalui temuduga dan pemerhatian kerap kali dibantu melalui penyelidikan perpustakaan.

(9) Kaedah *trigulasi* telah digunakan bagi memastikan keesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul melalui temuduga.⁴⁸ Melalui kaedah ini penulis tidak hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh seorang pengamal sahaja, sebaliknya merujuk kepada pengamal-pengamal lain seperti bidan-bidan kampung, tuan-tuan imam,

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Mohd. Majid Konting, *Op.cit.*, h. 243-244.

⁴⁸ Lihat Janesik Velerie (1994), *The Dance of qualitative reasarch design*, Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln,(ed), Handbook of Qulitative reasarch, London: Sage Publication, hlm 214-215.

pawang-pawang serta ibu-ibu yang telah bersalin supaya data yang diperolehi adalah tepat dan konsisten.

1.5.1. b.2.4

Metod Dokumentasi

Dokumentasi merupakan suatu benda bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan serta maklumat bagi subjek kajian. Metod ini dihasilkan dengan melakukan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan persoalan yang dikaji seperti al-Quran, al-Hadith, buku ilmiah, majalah, akhbar dan lain-lain sumber lagi.

1.5.1. b. 2.5

Metod Soal Selidik

Dalam metod ini, kajian penyelidikan lebih tertumpu kepada pengamalan dan kepercayaan responden terhadap adat-adat kelahiran dengan menggunakan skala *likert* bagi menyatakan kenyataan mereka sama ada bersikap positif atupun negatif.⁴⁹ Soal selidik ini adalah berdasarkan jawapan yang dipilih daripada tiga kategori bagi setiap soalan dengan menggunakan skala **ya**, **tidak** dan **tidak pasti** bagi menentukan respon pengamalan adat-adat kelahiran. Manakala **setuju**, **tidak setuju** dan **tidak pasti** bagi menentukan respon kepercayaan responden.

Seterusnya pengkaji menggunakan masa lebih kurang 10 minit untuk memberi sedikit taklimat dan memberitahu selok belok kepada responden responden cara mengisi borang soal selidik. Borang ini diedarkan kepada 100 orang responden di setiap DUN dalam jajahan tersebut. Yang mana 50 orang untuk responden pedalaman atau kampung dan 30 orang di pinggir bandar serta

⁴⁹ Any, D, Jacobs, L.c, dan Razavieh, A, (1985), *Introductioan to Research In Education*, cet.3. New York: Holt, Rinehart and Winston, h. 195-197.

20 orang lagi di bandar, kemudian dikumpulkan selepas daripada itu. Borang soal selidik ini diedarkan kepada respondan dari rumah ke rumah selepas di temuduga *figura* agar data dan maklumat yang telah diperolehi itu lebih mantap dan berkualiti. Ianya juga untuk menyenangkan pengkaji untuk membuat rumusan dan sebahagian bukti hasil kajian di akhir nanti.

1.5.1. c *Metod Analisis Data*

Penganalisis data dibuat untuk mengetahui hasil kajian yang diperolehi daripada respondan. Segala data dan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dikodkan dan diproses melalui program SPSS (*Statistik Package For The Social Science*) dalam komputer. Analisa stastik yang digunakan untuk mengenal pasti dan mengukur kepercayaan dan amalan masyarakat Islam Kelantan terhadap adat menyambut kelahiran bayi dalam kajian adalah berdasarkan frenkuensi dan peratusan sahaja. Juga pengkaji akan menggunakan metod-metod seperti metod *induktif*, *deduktif* dan *kompratif*⁵⁰ dalam menentukan keputusan analisis hukum di dalam bab 5 dan 6.

Dalam pada itu juga penulis akan menganalisis data yang diperolehi dengan menggunakan pendekatan- pendekatan seperti berikut:-

(1) Pendekatan liberal iaitu “*wasatiyah*”⁵¹ dengan mengambilkira falsafah dan faedahnya. Ianya lebih bersifat adil lagi murni memandangkan ianya tidak mudah mengharuskan dan menghalalkan semua perkara.

(2) Pendekatan yang lebih bersifat *holistik*. Di mana penulis akan meneliti dan menilai dari pelbagai sudut terutamanya dari segi falsafah dan kebudayaan masyarakat.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Lihat tafsir surah al-Baqarah : ayat:143, dalam Mahmood Husein al-Humsi (t.t), *Tafsir al-Jalalain*, Beirut: Dar al-Rasid, h. 22.

(3) Pendekatan yang tidak terikat pada fanatik mazhab. Sebagai contoh penulis tidak hanya menerima pakai pendapat Imam Shāfi'i sahaja di dalam menentukan hukum adat. Bahkan penulis mengambilkira pendapat Imam-Imam mazhab yang lain.

(4) Pendekatan yang mengambilkira *urf*⁵² dan realiti masyarakat Malaysia “*Fiqh Wāqi'* ”⁵³. Di mana kebanyakan adat-adat di Kelantan lebih bertujuan kemasyarakatan demi memupuk semangat seperti gotong-royang, hormat-menghormati dan sebagainya.

(5) Pendekatan yang lebih sesuai dengan konsep *maslahah* yang diperakui syarak “*maslahah al- mu 'tabarah*” atau lebih dikenali dengan istilah *al-manāsib al-mu 'tabarah*, hasilnya kembali kepada *qiyās*.⁵⁴ Sebagai contohnya adat-adat yang mempunyai kepentingan menjaga agama, keturunan, harta, nyawa dan ummah.

(6) Pendekatan *Ethnometodologi* atau *Fenemologi* iaitu seolah-olah penulis masuk di dalam fikiran seseorang.⁵⁵ Ini dapat dibuktikan apabila penulis hidup di dalam masyarakat. Juga penulis menemuduga dan cuba menyelami tentang sebab musabab sesuatu yang diamalkan.

I.5.I.c.1

Metod Induktif

Proses ini adalah satu cara menganalisis data dan melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada bukti-bukti

⁵² Lihat Abdul Karīm Zaidān (1981), *al Madkhal li Dirāsah al-Syārīyah al-Islāmiyah*, Baghdad, Muassah al-Risalah, h. 101.

⁵³ Wan Mohd Subri, (2004), “*Fiqh Wāqi'* dalam Ijtihad Usul Fiqh” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan*, 15-16 Disember 2004, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (Essat) Kajang, Anjuran : Fakulti Syariah dan Undang-Undang Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), h. 169-176.

⁵⁴ Sila lihat Saifuddin Abu Hassan Ali bin Muhammad al-Amīdī,(1387H), *al-Ihkām Fī Usul al-Ahkām*, al-Qaherah: Matba'ah al-Tijariyyah al-Kubra, jld.4, h. 139.

⁵⁵ Lihat Zainal Kling “Kebudayaan Melayu : Satu Penilitian Etnomethodologi”, h. 2-4.

yang bersifat umum.⁵⁶ Penulis menggunakan metod ini dalam bab yang ke empat dengan cara mengandaikan bahawa keputusan bagi beberapa kampung sebagai sample bagi satu jajahan dan secara kolektifnya menjadi suatu keputusan bagi sebuah negeri dalam konteks ini negeri yang dimaksudkan ialah negeri Kelantan.

1.5.1.c.2 Metod Deduktif

Proses ini juga merupakan salah satu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpegang kepada bukti-bukti yang bersifat umum kepada sifat khusus.⁵⁷ Metod ini boleh digunakan terutama untuk membuat laporan penelitian dan analisis data. Metod ini juga diaplikasikan oleh penulis dalam bab empat.

1.5.1.c.3 Metod Komparatif

Pengkaji juga menggunakan metod komparatif iaitu dengan melakukan perbandingan antara fakta dan data yang diperolehi atau pengalaman dan seterusnya membuat kesimpulan.⁵⁸ Metod ini secara langsungnya diaplikasikan dalam bab yang ketiga dengan membandingkan teori Islam dalam mengamalkan tatacara menyambut kelahiran bayi dengan adat yang telah diamalkan oleh masyarakat Islam Melayu Kelantan.

⁵⁶ Mohd.Majid Konting, *Op.cit*, h. 3.

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Van Dalen,D (1979), *Understanding Educational Research An Introduction*, Ed.4. New York: Mc Graw-hill book, h. 14.

1.6 Kajian Lepas

Dalam pengamatan dan pemerhatian pengkaji, didapati bahawa kajian Mohd Zaki bin Abdullah (1991) banyak menyentuh tentang adat dan urf yang berkaitan dengan pengamalannya di dalam istiadat perkahwinan di negeri Kelantan. Juga dinyatakan mengenai pandangan Islam terhadapnya tetapi tidaklah secara terperinci tentang kepercayaan masyarakat Islam Melayu Kelantan. Bahkan tidak sedikit pun disentuh mengenai mengenai adat menyambut bayi sedangkan di pendahuluannya dinyatakan kepentingan hal tersebut dalam masyarakat Islam Melayu .

Manakala kajian yang telah dibuat oleh Nisahrul Rafiah Binti Sayutin tentang amalan menyambut kelahiran zuriat,suatu kajian di Felera Changkat Lada, Perak (2000) kedapatan serba sedikit aspek yang menyentuh tentang adat setempat yang kebanyakannya merupakan amalan Rasulullah dan para sahabatnya. Juga tidak menyentuh mengenai hukum terhadap kepercayaan terhadap amalan tersebut.

Menurut kajian daripada Ismail bin Awang, Pasir Pekan, Kota Bharu (1983) hanya menyentuh adat masyarakat Islam Malaysia tentang amalan dan kepercayaan yang boleh membawa syirik dan kekufuran tetapi tidak diselitkan mengenai adat menyambut kelahiran bayi serta pantang larang masyarakat Melayu di Malaysia amnya dan di Kelantan khasnya.

Pada kajian yang dijalankan oleh Noormazida bt Yusof di daerah Kuala Terengganu (1994) mengenai adat dan pantang larang masyarakat

Melayu sebelum dan selepas bersalin di dapati terdapat huraian mengenai adat mengikut kaca mata Islam tetapi tidak diperincikan hukum adat secara mendalam. Bahkan tidak dipaparkan di dalam kajian sarjana mudanya itu tentang sebab musabab adat tersebut diamalkan.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Nik Rahimah bt Nik Mustapha (2002) di kawasan Tumpat, Kelantan dalam adat sebelum dan selepas bersalin masih tidak dinyatakan sebab dan musabab diamalkan amalan tersebut serta hukum secara terperinci lagi mendalam lebih-lebih lagi perihal kepercayaan masyarakat di kawasannya terhadap adat berkenaan.

Seterusnya jika dilihat kepada kajian yang dibuat oleh Aziz bin Deraman (1995) dalam bukunya adat dan pantang larang orang Melayu lebih menunjukkan umum dan tidak banyak menyentuh perihal hukum menurut Islam.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Zakiah bt Hj.Omar (1993) mengenai kepercayaan dan pantang larang masyarakat Melayu di Tumpat, Kelantan nampaknya lebih memfokuskan kepada kepercayaan Melayu yang bercanggah dengan syarak dan kurang disentuhnya aspek kesihatan dan penjagaan untuk ibu dan bayi secara mendalam ketika mengamalkan adat tersebut.

Setakat yang dapat dianalisa penulis mendapati kebanyakan kajian-kajian lepas lepas lebih menjuruskan terhadap persoalan adat Melayu terutamanya adat menyambut kelahiran bayi yang dilihat dari aspek sejarah dan kebudayaan Melayu semata-mata tanpa mengaitkannya dengan persoalan hukum. Oleh itu, kajian ini akan cuba mengisi kekosongan ini dengan memberi tumpuan khusus terhadap penganalisaan adat-adat tersebut dari perspektif hukum Islam.

1.7 Pembahagian Bab

Kajian ini mengandungi enam bab kesemuannya. Di mana bab 1 ialah bab pengenalan pengkaji membincangkan tentang latar belakang kajian, masalah kajian, tujuan kajian dan hipotesis kajian. Seterusnya bab ini membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian, definasi istilah yang berkaitan dengan kajian ini serta mengatakan penggunaan metodologi penyelidikan dalam kajian ini.

Di dalam bab 2, pengkaji memaparkan mengenai konsep kelahiran menurut perspektif Islam sebagai landasan kepada adat dan hukum.

Bab 3 pula, penulis membincangkan tentang pengamalan adat-adat dan bentuk-bentuk kepercayaan terhadap pengamalan adat-adat menyambut kelahiran bayi tersebut di kalangan masyarakat Islam Kelantan.

Manakala bab 4, penulis mengemukakan laporan penyelidikan dan analisis data di kalangan masyarakat Islam Melayu di Jajahan Tanah Merah, Kelantan berdasarkan daripada hasil kajian tentang pengamalan mereka terhadap adat-adat berkenaan.

3

Di dalam bab yang ke 5, penulis menjelaskan hukum-hukum adat yang telah diamalkan oleh masyarakat berkenaan berdasarkan maklumat yang dapat dipungut.

Akhir sekali dalam bab 6, penulis membuat beberapa rumusan terhadap hasil kajian yang dibuat dan diikuti dengan kesimpulan dan saranan yang penulis rasakan perlu diketengahkan dan diberikan perhatian yang sewajarnya.